

Kongsi pengalaman

500 sertai
senam Qi Gong

>>Oleh NURUL HUSNA
MAHMUD

metahad@hmetro.com.my

SERDANG: Lebih 500 bekas pesakit kanser menyertai sesi senaman tradisional China, Qi Gong sebagai sokongan kepada kempen kesihatan 'Hari Gaya Hidup Sihat 2012' anjuran Care-UPM (Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser) di padang Dewan Utama Universiti Putra Malaysia, di sini, semalam.

Menurut Pengarah Care, Prof Dr Mazanah Muhammad, program sehari meliputi senaman hinggalah kepada sesi perkongsian pengalaman bersama 500 pesakit menjadi medium terbaik menyebarkan maklumat



SOKONGAN... peserta hadir menjayakan kempen.

betul mengenai kanser.

"Meskipun ketika ini ramai menyedari kaedah terbaik rawatan kanser, masih ada individu tidak mendapat

maklumat diperlukan bagi membantu mereka memerangi barah.

"Ini terutama mereka di kawasan pedalaman yang

masih berpegang teguh dengan amalan tradisional bagi merawat penyakit berbanding mendapat nasihat pakar," katanya.

Mazanah berkata, tindakan golongan terbabit menyebabkan peluang sembuh tipis.

"Maklumat dibekalkan badan sokongan selain doktor seperti NGO dan pusat kajian lebih manfaat kerana mereka mendapat nasihat betul seperti pemakanan dan senaman sesuai membantu memanjangkan hayat serta meningkatkan peluang sembuh," katanya.

Pesakit barah payudara, Nuraida Kamaruddin, 44, dia terkejut sebaik dimaklumkan menghidap barah payudara tahap ketiga.

"Memang mulanya saya rasa ia ujian berat untuk dipikul tapi mengenangkan tiga anak masih kecil memerlukan perhatian, saya kuat-kan semangat.

"Doktor turut mengambil inisiatif menubuhkan kumpulan sokongan dengan mengumpul beberapa pesakit supaya kami boleh berkongsi penderitaan dan saya tidak berasa keseorangan," katanya.

Dia optimis sebaik melihat jumlah pesakit yang berjaya sembuh kian meningkat dan jangka hayat pesakit kanser kini lebih panjang.

"Menerusi kumpulan sokongan dan maklumat badan bukan kerajaan seperti Care-UPM, saya turut berkongsi berita gembira kerana ada

bekas pesakit berjaya hidup lebih 10 tahun. Penting bagi saya ketika ini ialah mendapat sokongan dan maklumat tepat," katanya.

Adibah Hassan Norhadi, 23, bekas pesakit kanser Hodgkin lymphoma, menyifatkan program itu penting buat golongan sepertinya yang terbabit secara langsung mencari sokongan dan alternatif melawan barah.

"Program ini penting kerana ia memberi peluang kepada pesakit berkongsi pengalaman dengan bekas pesakit yang sembuh.

"Nasihat bekas pesakit dilihat pandangan kedua penting membantu mendorong pesakit melawan barah dengan semangat lebih positif," katanya.